

04 AUG 2003

Air-Kelantan

MTRK DESAK KERAJAAN KELANTAN TERIMA KEPUTUSAN KERAJAAN PUSAT

KOTA BAHARU, 4 Ogos (Bernama) -- Majlis Tindakan Rakyat Kelantan (MTRK) mendesak kerajaan Kelantan supaya menerima keputusan kerajaan pusat untuk mengambil alih pengurusan bekalan air di semua negeri termasuk Kelantan demi kepentingan rakyat.

Setiausaha Agung MTRK Datuk Ariffin Abdul Hamid berkata, hasrat kerajaan pusat itu perlu dihargai dan disambut baik kerana rakyat Kelantan sejak 10 tahun lepas menghadapi pelbagai masalah melibatkan kekurangan bekalan air bersih.

"Air merupakan pokok dalam kehidupan seharian dan sekiranya bekalan air sering terputus dan airnya kotor ia boleh menjejaskan kesihatan rakyat," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kelantan dan Terengganu yang kedua-dua kerajaan negerinya menolak hasrat kerajaan pusat mengambil alih pengurusan bekalan air negeri itu kemungkinan tidak mendapat bekalan air bersih pada masa depan sekiranya enggan bekerjasama.

Ariffin berkata rakyat Kelantan perlu menerima hakikat bahawa kerajaan negeri tidak mampu menguruskan bekalan air bersih kerana tidak mempunyai peruntukan kewangan mencukupi, malahan kerajaan negeri PAS Kelantan terpaksa membuat pinjaman mudah sebanyak RM600 juta daripada kerajaan pusat bagi meningkatkan kualiti bekalan air negeri pada tahun lepas.

"Daripada segi kepakaran dan kemahiran, Kerajaan Negeri juga tidak mampu melaksanakannya dan sekiranya perkara ini berlarutan sudah tentu kita sebagai rakyat Kelantan terpaksa berhadapan dengan air kotor," katanya.

Kerajaan negeri perlu memikirkan kepentingan rakyat sebelum menolak hasrat kerajaan pusat.

-- BERNAMA

ANM RAR PR